

JADUAL TARIKH BAYARAN YURAN SEM 1 2025/2026 : PELAJAR PASCASISWAZAH

BIL	PERKARA	TARIKH	CATATAN
1	Semester 1 2025/2026 bermula	06/10/2025	Pendaftaran pelajar kanan 06/10/2025 – 17/10/2025
2	Bayaran minima (<i>bagi pelajar tidak berpenaja dan pelajar PTPTN sahaja</i>) i. Rujuk E-comm>Financial Info bagi bayaran minimum ii. Yuran Asrama (1 (satu) semester) perlu dijelaskan sepenuhnya (<i>pelajar yang tinggal di asrama sahaja</i>)	06/10/2025 – 17/10/2025	Pelajar kanan perlu menjelaskan sekurang-kurangnya yuran minima sebelum dibenarkan untuk mendaftar semester
3	Tarikh bayaran penuh yuran (<i>bagi semua pelajar tidak berpenaja dan pelajar PTPTN</i>)	06/10/2025 – 23/11/2025	Selewatnya minggu ke-7 kuliah
4	Cuti pertengahan Semester 1 2025/2026	22/11/2025 - 30/11/2025	1 minggu
5	Proses SEKATAN (BARRING) -Pelajar tidak berpenaja dan pelajar PTPTN yang masih berhutang	01/12/2025	Hari pertama bekerja minggu ke-8 kuliah
6	Tarikh akhir untuk jelaskan semua hutang bagi pelajar tidak berpenaja dan pelajar PTPTN	21/12/2025	Minggu ke-10 kuliah
7	Ditangguhkan pengajian bagi pelajar tidak berpenaja dan pelajar PTPTN yang masih berhutang	22/12/2025	Minggu ke-11 kuliah
<u>PELAJAR TIDAK BERPENAJA DAN PELAJAR PTPTN AKAN DITANGGUHKAN PENGAJIAN DIAMBIL KIRA PADA MINGGU KE 11 KULIAH (22/12/2025) SEKIRANYA TIDAK JELASKAN SEMUA HUTANG PADA TARIKH AKHIR 21/12/2025</u>			
8	Peperiksaan Akhir Semester 1 2025/2026 bermula	26/01/2026 – 11/02/2026	12 hari
9	Proses SEKATAN (BARRING) -Pelajar Berpenaja	12/02/2026	Minggu ke-18 kuliah

RINGKASAN TARIKH AKHIR PEMBAYARAN YURAN SEM 1 2025/2026 : PELAJAR PASCASISWAZAH

PERKARA	PELAJAR TIDAK BERPENAJA & PELAJAR PTPTN	PELAJAR BERPENAJA	NOTA/MINGGU KULIAH
<p>Bayaran minima (<i>bagi pelajar tidak berpenaja sahaja</i>)</p> <p><i>i. Rujuk E-comm>Financial Info bagi bayaran minimum</i></p> <p><i>ii. Yuran Asrama(1 (satu) semester) perlu dijelaskan sepenuhnya (pelajar yang tinggal di asrama sahaja)</i></p>	<p>Tarikh akhir : 17/10/2025</p>	<p>Yuran asrama jika tidak ditaja oleh penaja</p> <p>Tarikh akhir : 17/10/2025</p>	<p>Pelajar kanan perlu menjelaskan sekurang-kurangnya yuran minima sebelum dibenarkan untuk mendaftar semester</p>
Bayaran penuh yuran	Tarikh akhir : 23/11/2025	Tarikh akhir : 23/11/2025	Minggu ke-7 kuliah
SEKATAN bagi yang masih berhutang	Tarikh sekatan : 01/12/2025	Tidak berkaitan	Minggu ke-8 kuliah
Tarikh akhir untuk jelaskan semua hutang	Tarikh akhir : 21/12/2025	Tarikh akhir : 11/02/2026	<p>Tanpa penaja & pelajar PTPTN: Hari bekerja terakhir minggu ke-10 kuliah.</p> <p>Berpenaja : Minggu ke-18</p>
DITANGGUHKAN PENGAJIAN bagi pelajar tidak berpenaja dan pelajar PTPTN yang masih berhutang	Tarikh: 22/12/2025	Tidak berkaitan	Tanpa penaja & pelajar PTPTN: Minggu ke-11 kuliah
SEKATAN bagi pelajar berpenaja yang masih berhutang	Tidak berkaitan (kerana telah ditangguhkan pengajian)	Tarikh sekatan: 12/02/2026 (satu hari selepas tamat peperiksaan akhir)	Minggu ke-18

KESAN SEKATAN KE ATAS PELAJAR BERHUTANG

KATEGORI	SEKATAN KE ATAS PELAJAR BERHUTANG	PENERANGAN RINGKAS
1. PELAJAR BERPENAJA	a. Ditahan keputusan dan transkrip peperiksaan	i. Akan disekat sehingga penaja membuat bayaran ii. Akan disekat sehingga pelajar membuat bayaran bagi baki beza yang tidak ditaja
	b. Tidak dibenarkan akses kepada sistem eComm, Notis penghantaran tesis, Penghantaran laporan kemajuan, Sistem ePat, dan semua sistem akademik yang berkuatkuasa	Akan disekat pada semester baharu jika masih ada hutang tertunggak semester sebelum
	c. Tidak dibenarkan menghadiri konvokesyen	
2. PELAJAR TIDAK BERPENAJA DAN PELAJAR PTPTN	a. Ditahan daripada membuat pra-pendaftaran dan pendaftaran kursus sebenar	
	b. Tidak dibenarkan akses kepada sistem eComm, Notis penghantaran tesis, Penghantaran laporan kemajuan, sistem ePat dan semua sistem akademik yang berkuatkuasa pada semester semasa dan baharu	Disekat pada minggu ke-8 kuliah semester semasa dan semester baharu sehingga hutang diselesaikan
	c. Ditangguhkan Pengajian Diambil Kira	Pelajar akan diberikan status TANGGUH PENGAJIAN DIAMBIL KIRA (Defer C) pada minggu ke-11 perkuliahan jika masih berhutang
	d. Ditahan daripada menduduki peperiksaan	
	e. Ditahan keputusan dan transkrip peperiksaan	
	f. Tidak dibenarkan menghadiri konvokesyen	

*pelajar yang ditangguhkan pengajian akan dikecualikan yuran perkuliahan, namun yuran pelbagai dan asrama perlu dibayar penuh.

SOALAN LAZIM BAYARAN YURAN SEMESTER 1 2025/2026**A. UMUM****1. Bilakah tarikh akhir bayaran yuran Sem 1 2025/2026 sebelum sekatan dibuat?**

- i. Pelajar kanan tempatan & antarabangsa (tidak berpenaja dan pelajar PTPTN) perlu menjelaskan sekurang-kurangnya yuran minima sebelum dibenarkan untuk mendaftar semester. Tarikh akhir pelajar kanan untuk mendaftar Sem 1 2025/2026 adalah **17.10.2025**
- ii. Pelajar tidak berpenaja dan pelajar PTPTN yang telah mendaftar Sem 1 2025/2026 perlu menjelaskan baki yuran sebelum atau pada **23.11.2025 (minggu ke 7 kuliah)**
- iii. Pelajar berpenaja yang telah mendaftar Sem 1 2025/2026 perlu menjelaskan baki yuran sebelum atau pada **11.02.2026 (minggu ke 18 kuliah)**

2. Saya/keluarga saya mempunyai masalah kewangan dan menghadapi kesukaran untuk membayar yuran pada semester ini. Apakah yang perlu saya lakukan?

- i. Menghubungi/berjumpa dengan Penasihat Akademik/Penyelia untuk berbincang masalah yang dihadapi
Atau
- ii. Mencari penjamin di kalangan staf UMPSA. Borang Jaminan boleh didapati dengan emel kepada Bahagian Kewangan Pelajar di ramlee@umpsa.edu.my atau collection1@umpsa.edu.my
Atau
- iii. Menghubungi Unit Kebajikan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk bantuan kebajikan (tertakluk kepada terma dan syarat). Emel kebajikanpelajar@umpsa.edu.my atau ips@umpsa.edu.my

- *Emel yang dihantar hendaklah dinyatakan nama, ID pelajar, nombor telefon untuk dihubungi dan masalah kewangan secara terperinci*
- *Emel hendaklah dihantar selewat-lewatnya minggu ke-4 kuliah bagi memudahkan bantuan dan khidmat nasihat diberikan dengan cepat sebelum tempoh bayaran berakhir yang boleh mengakibatkan pelajar ditangguhkan pengajian*

3. Bagaimanakah caranya untuk saya menyemak atau mengetahui jumlah yuran yang perlu saya bayar?

Semua pelajar boleh menyemak secara dalam talian di [ecomm pelajar](#)>Financial Info.

4. Bagaimanakah cara bayaran yuran kepada UMPSA?

- i. Melalui epayment FPX
- ii. Melalui ATM Bank Islam>Pilih Bill Presentment

- iii. Melalui Maybank2u>pay & transfer>pay>pay to payee>pilih new payment dan pilih Universiti Malaysia Pahang-Pelajar

B. PELAJAR TIADA PENAJAAN DAN PELAJAR PTPTN

5. Saya adalah pelajar tanpa penajaan/pelajar PTPTN, bilakah saya perlu membayar yuran Sem 1 2025/2026 ?

- i. Pelajar kanan tempatan & antarabangsa (tidak berpenaja dan pelajar PTPTN) perlu menjelaskan sekurang-kurangnya yuran minima sebelum dibenarkan untuk mendaftar semester. Tarikh akhir pelajar kanan untuk mendaftar Sem 1 2025/2026 adalah **17.10.2025**
- ii. Baki yuran : Sebelum minggu ke 7 kuliah dan terakhir sebelum minggu ke 10 kuliah
- Tarikh akhir bayaran sebelum sekatan dilaksanakan : **23.11.2025**
 - Tarikh akhir bayaran sebelum ditangguhkan pengajian : **21.12.2025**

6. Saya adalah pelajar yang telah mendaftar semester dan tidak mempunyai penaja/pelajar PTPTN, sekiranya saya tidak membayar yuran dalam tempoh yang ditetapkan, apakah kesan ke atas saya?

SEKATAN KE ATAS PELAJAR TIADA PENAJA DAN PELAJAR PTPTN YANG BERHUTANG	PENERANGAN RINGKAS
a. Ditahan daripada membuat pra-pendaftaran dan pendaftaran kursus sebenar	
b. Tidak dibenarkan akses kepada sistem eComm, Notis penghantaran tesis, Penghantaran laporan kemajuan, Sistem ePat dan semua sistem akademik yang berkuatkuasa pada semester semasa dan baharu	<i>Disekat pada minggu ke-8 kuliah semester semasa dan semester baharu sehingga hutang diselesaikan</i>
c. Ditangguhkan pengajian diambil kira	<i>Pelajar akan diberikan status TANGGUH PENGAJIAN DIAMBIL KIRA (Defer C) pada minggu ke 11 perkuliahan jika masih berhutang</i>
d. Ditahan daripada menduduki peperiksaan	
e. Ditahan keputusan dan transkrip peperiksaan	
f. Tidak dibenarkan menghadiri konvokesyen	

- 7. Saya adalah pelajar yang telah mendaftar semester dan tidak mempunyai penaja/pelajar PTPTN, sekiranya saya membuat bayaran baki yuran saya selepas 21.12.2025, adakah saya masih akan ditangguhkan pengajian?**

Ya. Pelajar perlu membuat perancangan awal untuk membuat bayaran bagi mengelakkan ditangguhkan pengajian. Pihak pengurusan universiti akan mengekalkan status ditangguhkan pengajian dan sebarang proses rayuan adalah tidak dibenarkan. Pelajar boleh menyambung kembali pengajian pada semester berikutnya.

- 8. Saya adalah pelajar yang telah mendaftar semester dan tidak mempunyai penaja/pelajar PTPTN. Saya tidak mempunyai peperiksaan akhir pada yuran Sem 1 2025/2026 saya adalah pelajar mod penyelidikan, adakah saya akan ditangguhkan pengajian sekiranya saya tidak membuat bayaran baki yuran sehingga 21.12.2025?**

Ya. Semua pelajar adalah terpakai dengan peraturan ini.

- 9. Sekiranya saya ditangguhkan pengajian, adakah saya perlu membayar penuh yuran?**

Tidak. Yuran yang perlu dibayar adalah yuran pelbagai dan yuran asrama sahaja. Yuran Perkuliahan akan dikecualikan.

C. PELAJAR BERPENAJA

- 10. Saya adalah pelajar yang telah mendaftar semester dan mempunyai penaja, bilakah tarikh akhir penaja saya perlu membayar yuran Sem 1 2025/2026 kepada UMPSA?**

Sebelum atau pada **11.02.2026**. Sekatan akan dikenakan ke atas pelajar pada **12.02.2026**. Jika masih berhutang. Kesan sekatan sila rujuk soalan dan jawapan no 12 di bawah.

- 11. Saya adalah pelajar yang telah mendaftar semester dan mempunyai penaja, namun penaja mengkreditkan semua wang tajaan ke akaun saya. Bilakah tarikh akhir saya perlu membuat bayaran yuran kepada UMPSA?**

- i. Pelajar perlu pastikan telah muatnaik dokumen tajaan di dalam sistem ecomm pelajar>Financial Info>Sponsor Document. Sekiranya tiada maklumat tajaan di dalam sistem, kami akan mengandaikan pelajar adalah tanpa penajaan. Pelajar tanpa penaja perlu menjelaskan yuran minima sebelum dibenarkan untuk mendaftar semester.
- ii. Pelajar perlu pastikan data tajaan telah direkodkan dalam sistem. (boleh semak di ecomm> Financial Info)
- iii. Tarikh akhir bayaran yuran Sem 1 2025/2026 pelajar berpenaja sebelum sekatan dikenakan adalah sebelum atau pada **23.11.2025** Namun yuran asrama perlu dijelaskan sebelum dibenarkan mendaftar.

12. Saya adalah pelajar yang telah mendaftar semester dan mempunyai penaja, sekiranya saya/penaja saya tidak membayar yuran dalam tempoh yang ditetapkan,apakah kesan ke atas saya?

SEKATAN KE ATAS PELAJAR BERPENAJA YANG BERHUTANG	PENERANGAN RINGKAS
a. Ditahan keputusan dan transkrip peperiksaan	<i>i. Akan disekat sehingga penaja membuat bayaran</i> <i>ii. Akan disekat sehingga pelajar membuat bayaran bagi baki beza yang tidak ditaja</i>
b. Tidak dibenarkan akses kepada sistem eComm, Notis penghantaran tesis, Penghantaran laporan kemajuan,Sistem ePat dan semua sistem akademik yang berkuatkuasa pada semester baharu	<i>Akan disekat pada semester baharu jika masih ada hutang tertunggak semester sebelum</i>
c. Tidak dibenarkan menghadiri konvokesyen	